

KURIKULUM AKHLAK DALAM MELAHIRKAN SAINTIS MUSLIM BERETIKA: TINJAUAN DI MALAYSIA

Ajmain Safar
Aminuddin Ruskam,
Ahmad Marzuki Muhammad
Idris Ismail

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, abawidad@utm.my

Suggested Citation:

Safar, A., Ruskam, A., Muhammad, A. M., & Ismail, I. (2013). Kurikulum Akhlak dalam Melahirkan Saintis Muslim Beretika: Tinjauan Di Malaysia in *Seminar on Science, & Technology 2013* on 1st Oktober 2013 by Fakultas Sains dan Teknologi UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta and Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, p. 15-21. ISSN 2339-143X

ABSTRACT

Abstrak - Melahirkan saintis dan cendekiawan yang beretika dan berakhlak adalah menjadi suatu keperluan dalam sistem pendidikan. Malaysia melalui Kementerian Pelajaran telah melakukan beberapa kali perubahan dan penambahbaikan kurikulum sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun menengah. Hasratnya tidak lain ke arah melahirkan saintis dan cendekiawan beretika dan berakhlak. Kurikulum yang terancang dan baik adalah antara persiapan ke arah tersebut. Kertas kerja ini ingin meninjau silibus dan kurikulum yang disediakan di peringkat sekolah khususnya yang berkaitan dengan nilai dan akhlak sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. 2002. Pendidikan akhlak dalam KBSM: Persepsi pelajar terhadap konsep akhlak. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*. Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam menghadapi cabaran era globalisasi. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1989. *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Terjemahan Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Adnan Yusopp. 2002. Kurikulum baru Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia menghadapi era globalisasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*. Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam menghadapi cabaran era globalisasi. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. hlm. 1-9.
- Ahmad Mohd Salleh. 2004. *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. (Edisi Semakan). Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Al-Attas, Syed Mohd. Naquib. 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. (Terj. Samsudin Jaafar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Syaibani, Omar Muhamad al-Toumy. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Prof Dr Hasan Langgulung. Shah Alam: Hisbi.
- Al-Tusi. 1964. *Akhlaq al-Nasiri*. Wickens, G.M. (terj.) The Nasirean Ethic. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Ali Ab. Ghani. 2008. Membangun Modal Insan. Kertas kerja Utama *Konvensyen Nasional PIPP Kedua*. 24 -27 November 2008 di Institut Amunudin Baki Genting Highland Pahang. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Amuli, Jawad. 2001. *Rahsia-rahsia ibadah*. Terj. Jalad Muammar. Bogor: Penerbit Cahaya.
- Asmawati Suhid. 2003. Kesesuaian subbidang pembelajaran adab dan akhlak Islam KBSM menurut persepsi guru. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Kebangsaan (Siri 3)* : Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam: Antara

- Tradisi dan Inovasi, hal. 94-105.
- Asmawati Suhid. 2005. *Persepsi guru dan pelajar di Selangor terhadap kesesuaian pengagihan komponen adab dan akhlak Islam dalam Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Azma Mahmood. 2006. Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2012). *Data salah laku disiplin murid*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2009). Didik generasi muda tanggungjawab setiap muslim http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Monday/Agama/20090524214952/Article/index_html. Dimuat turun pada 25 Mei 2009.
- Fatimi Hanafi & Mohd. Zamani Ismail. (2006, 13-14 Jun). *Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajian Umum.
- Harery Abu Saad. (2007). *Perkaitan penghayatan akhlak, sikap terhadap sains, pencapaian dan pemilihan kerjaya di kalangan pelajar dalam konteks pembangunan modal insan bersepadu dalam bidang sains dan teknologi di SMKA*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia. Ibn Miskawayh, Abu 'Ali Ahmad Ibn Miskawayh. 1966. *The refinement of character*. Beirut: American University of Beirut.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002a. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002b. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM*.
- Kurshid Ahmad. 1975. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Md Zawawi Abu Bakar, Mahyuddin Abu Bakar, Azman Md Zain, Mohamad Khadafi Rofi dan Mohd Khairul Anwar Othman (2003) *Etika Islam Dalam Usaha Penerokaan Sains dan Teknologi*. Kertas Kerja Seminar Islam Antarabangsa. Masjid Sultan Ismail UTM di Hotel Putri Pan Johor Bahru pada 7-9 September 2003.
- Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid, Abdullah Mat Rashid dan Samsilah Roslan. (2011). Hubungan faktor-faktor sosial dengan penghayatan nilai murni pelajar: Satu dapatan awal. *Prosiding 16th International Conference on Education*. Sultan Hassanal Bolkhiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam.
- Mohd Nasir bin Omar. 2005. *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1990). *Pukal latihan kurikulum bersepadu sekolah menengah: Falsafah pendidikan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR/KBSM*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Sulaiman Nordin (1993), *Sains Falsafah dan Islam*. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Umum UKM.
- Tabatabai, al-'Allamah, al-Sayid Muhammad Husayn. 1991. *al-Mizan fi tafsir al-qur'an*. 21 jilid. Beirut: Muassasah al-alamy li al-Matbu'at.
- Tajul Ariffin Nordin dan Nor'Aini Dan. (2002). *Pendidikan dan pembangunan manusia: Pendekatan bersepadu*. Bangi: As-Syabab Media.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2006. *Masyarakat Islam Hadhari: Satu tinjauan epistemologi dan kependidikan ke arah penyatuan pemikiran bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yaljan, Miqdad. 1986. *Peranan pendidikan akhlak Islam dalam membangun peribadi, masyarakat dan budaya manusia*. Terj. Tajudin Nur. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Yusof Qaradhawi (1996). *Memahami Keutamaan Berasaskan Al-Quran dan Sunnah*. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Zaharah Hussin, Ab. Halim Tamuri & Jaffary Awang. 2005. Pembinaan kurikulum pendidikan akhlak ke arah pembangunan kemanusiaan sejagat. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4)* Pendidikan Islam ke arah kemanusiaan sejagat. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia 25 – 26 Jun 2005.
- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md Aroff, Rahil Hj. Mahyuddin, Mohd Ibrahim Nazri, Muhammad Hassan Abd Rahman, Abd Rahim Hj. Faffiee dan Habsah Ismail. 1998. *Laporan penyelidikan pendidikan Akhlak di sekolah menengah kebangsaan agama*. Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia.

KURIKULUM AKHLAK DALAM MELAHIRKAN SAINTIS MUSLIM BERETIKA: TINJAUAN DI MALAYSIA

Ajmain Safar¹, Aminuddin Ruskam²,
Ahmad Marzuki Muhammad³, Idris Ismail⁴

^{1, 2, 3, 4} Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia
Johor

Abstrak – Melahirkan saintis dan cendekiawan yang beretika dan berakhlak adalah menjadi suatu keperluan dalam sistem pendidikan. Malaysia melalui Kementerian Pelajaran telah melakukan beberapa kali perubahan dan penambahbaikan kurikulum sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun menengah. Hasratnya tidak lain ke arah melahirkan saintis dan cendekiawan beretika dan berakhlak. Kurikulum yang terancang dan baik adalah antara persiapan ke arah tersebut. Kertas kerja ini ingin meninjau silibus dan kurikulum yang disediakan di peringkat sekolah khususnya yang berkaitan dengan nilai dan akhlak sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

1. PENDAHULUAN

Salah satu cabaran Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 adalah untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Sudah pasti penekanan diberikan ke arah melahirkan saintis dan cendekiawan yang akan menerajui dan menyumbang kepada pembangunan negara mengikut acuan dan nilai yang baik. Bagi merealisasikan aspirasi ini, kemantapan dan kemurnian sistem pendidikan di Malaysia merupakan asas penting. Hasrat ini terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

Akhlik yang terpuji, penghayatan nilai murni bermula di peringkat awal persekolahan akan membantu melahirkan lulusan yang akan menyumbang kepada negara memiliki akhlak dan etika yang baik. Membentuk akhlak, etika dan nilai murni yang baik memerlukan kepada penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik tentang nilai (Tajul Ariffin Noordin dan Nor'Aini Dan, 2002). Lantaran itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (1990) telah menggariskan antara ciri-ciri rakyat Malaysia yang berakhlak mulia ialah mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai baik dan buruk, mempunyai kesedaran tentang kesan daripada perbuatan yang baik dan buruk, mempunyai keyakinan terhadap nilai-nilai murni, menghayati segala nilai mulia yang merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan dan seterusnya mengamalkan perlakuan yang baik dan menghindari perlakuan yang buruk. Justru kurikulum akhlak dan nilai murni yang terancang di peringkat sekolah merupakan suatu keperluan ke arah melahirkan cendekiawan dan saintis yang berakhlak mulia.

2. LATARBELAKANG MASALAH

Pembangunan Modal Insan merupakan teras utama dalam melaksanakan Rancangan Malaysia antaranya seperti yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di mana Program Pembangunan Modal Insan dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi merupakan usaha dan pelaburan Kerajaan Malaysia ke arah meningkatkan kemahiran teknikal, kreativiti dan inovasi sumber manusia bagi memacu ekonomi berasaskan pengetahuan (Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia). Ia juga ke arah menambah bilangan saintis, jurutera dan penyelidik yang bermutu tinggi, bertaraf global dan memenuhi kehendak pasaran (*market driven research*) dengan nisbah 50 : 10,000 tenaga kerja dalam bidang keutamaan menjelang 2015.

Namun suatu yang perlu diberi perhatian adalah kualiti modal insan yang dihasilkan. Adakah mereka yang lahir daripada sistem pendidikan yang disediakan, benar-benar selari dengan hasrat dan matlamat pendidikan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan yang memiliki akhlak yang mulia supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang ke arah meningkatkan tamadun bangsa dan negara?.

Dalam perkembangan kini, masalah gejala sosial dan disiplin pelajar didapati semakin hari semakin serius (Engku Ahmad Zaki, 2009). Masyarakat sering membincangkan isu masalah gejala sosial terutama dalam kalangan remaja khususnya para pelajar di sekolah dan di institusi pengajian tinggi. Remaja sering dikatakan tidak berakhlak, tidak pandai membuat pertimbangan nilai dan pelbagai lagi ciri negatif (Muhammad Khairi, 20012). Masalah gejala sosial yang melibatkan golongan remaja dengan budaya lepak, curi, dadah, bohsia dan perlakuan yang bertentangan nilai-nilai murni serta sebagainya telah didedahkan kepada kita setiap hari menerusi akhbar, radio dan televisyen. Adakah ini sebagai indikator awal keberkesanan pendidikan akhlak di peringkat sekolah? Jika tidak ditangani dengan bijaksana, ia akan menyumbang kepada lahirnya cendekiawan dan saintis yang tidak berakhlak.

Menurut laporan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) seperti yang dipaparkan dalam jadual 1 menunjukkan data bilangan kes salah laku pelajar sepanjang tahun 2010 hingga Jun 2012. Jadual menunjukkan jumlah kes disiplin murid sekolah menengah kebangsaan harian agak tinggi. Didapati terdapat beberapa jenis salah laku murid yang menunjukkan peningkatan dari tahun 2010 - 2011. Antaranya, jenis salah laku disiplin

berunsur jenayah meningkat sebanyak 862 kes, salah laku musnah meningkat sebanyak 131 kes, salah laku kenakalan meningkat sebanyak 360 kes dan salah laku tidak pentingkan masa juga meningkat sebanyak 803 kes dari tahun 2010 kepada tahun 2011. Terdapat juga jenis salah laku disiplin murid yang

menurun bilangan kes seperti salah laku disiplin berunsur kelucahan turun sebanyak 868 kes, kurang sopan turun sebanyak 1157 kes, kekemasan diri turun sebanyak 606 kes dan ponteng sekolah turun sebanyak 791 kes.

Jadual 1: Bilangan kes salah laku disiplin murid

Bil	Jenis Salah Laku	2010	2011	2012*
		Jumlah	Jumlah	Jumlah
1.	Berunsur jenayah	17595	18457	7015
2.	Berunsur kelucahan	3031	2163	930
3.	Kurang sopan	18346	17189	7239
4.	Laku musnah	5212	5343	5788
5.	Kemasan diri	21384	20778	4145
6.	Ponteng sekolah	19545	18754	1391
7.	Kenakalan	8563	8923	8361
8.	Tidak penting masa depan	17808	18611	3146

*Jumlah kes disiplin murid sehingga bulan Jun 2012

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM (2012)

Data ini menggambarkan etika dan nilai moral sebahagian daripada pelajar sekolah di Malaysia. Walaupun jumlah ini tidak besar berbanding dengan bilangan keseluruhan pelajar, namun ia memberi impak dan kesan terhadap sejauh mana keberkesanan sistem pendidikan dalam membentuk generasi yang berakhlak, bermoral dan memiliki serta menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Apatah lagi mereka ini nanti akan lahir sebahagiannya sebagai para saintis, pentadbir dan peneraju negara.

Ketiadaan penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat menyebabkan perilaku mereka menjurus ke arah negatif (Fatimi & Mohd Zamani, 2006). Begitu juga pernyataan bahawa penghayatan akhlak yang lemah sering dikaitkan dengan gejala keruntuhan akhlak masa kini (Harery, 2007). Menurut Tajul Ariffin dan Nor 'Aini (2002) masalah keruntuhan akhlak dan nilai berpunca daripada minda manusia yang terlupa akan tujuan sebenar mereka dihidupkan di dunia ini. Kealpaan ini menyebabkan manusia mudah tewas kepada tuntutan hawa nafsu dan bersikap materialistik. Akhirnya berlaku jenayah kolar putih, rasuah, pecah amanah, ketagihan dadah dan pelbagai tingkah laku yang menyimpang yang dilakukan bukan sahaja dalam kalangan orang yang kurang berpendidikan tetapi juga tidak terkecuali golongan yang dianggap intelek dan terpelajar. Apakah semua ini berpunca daripada kurikulum akhlak yang tidak lengkap? Adakah kurikulum sedia ada perlu diubah suai ke arah melahirkan lulusan sistem pendidikan di Malaysia memiliki akhlak terpuji?

3. ETIKA DAN NILAI

Etika dan nilai membicarakan persoalan berkaitan kebaikan atau keburukan, kriteria penentuan serta motif sesuatu perkara. Etika bermaksud ilmu berkenaan prinsip-prinsip akhlak dan moral. Etika juga ditakrifkan sebagai prinsip moral atau

nilai-nilai akhlak yang perlu menjadi pegangan sesetengah individu atau sesuatu kumpulan. Islam mempunyai etika tersendiri yang diasaskan daripada sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah merangkumi apa jua urusan.

Nilai dalam Kamus Dewan (2001) pula membawa maksud darjat, kualiti, mutu, taraf atau sifat ketinggian dari segi pemikiran, agama dan kemasyarakatan. Nilai mempunyai kaitan yang rapat dengan kebudayaan (Sulaiman, 1993). Setiap kebudayaan mempunyai pandangan yang berbeza tentang nilai. Dalam Islam sama ada cara pendekatan, pemikiran mahupun penggunaan sains dan teknologi, tidak menjadi apa-apa masalah asalkan ianya tidak bercanggah dengan syara'. Islam mengambil kaedah: "ambil mana yang baik dan tinggalkan mana yang tidak bermanfaat".

Islam mempunyai nilai sejagat yang menjadi piawaian untuk menentukan sesuatu itu baik atau buruk. Nilai yang digariskan dalam Islam adalah bersifat universal, sesuai dengan fitrah manusia dan boleh diterima oleh semua manusia. Nilai ini mempunyai hubungan yang erat dengan pemikiran mentauhidkan Allah. Ia berkait rapat dengan status manusia sebagai hamba dan khalifah yang memegang amanah Allah di muka bumi. Segala persoalan kebaikan dan keburukan adalah ditentukan Allah melalui sumber utama al-Quran dan as-Sunnah sebagai kriteria utama. Sementara keupayaan akal, intuisi dan pengalaman hanya diterima sekiranya selari dengan sumber utama.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah sejak tahun 1996. Sebanyak 16 nilai-nilai murni telah diperkenalkan untuk diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah. Antaranya nilai baik hati, berdikari, berhemah tinggi, hormat-

menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan kebersihan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat kemasyarakatan. Pelaksanaan ini bertujuan agar penerapan nilai murni tidak hanya dilaksanakan oleh guru pendidikan Islam semata-mata malah oleh semua guru mata pelajaran agar nilai-nilai murni ini berakar umbi dalam kalangan pelajar.

4. ETIKA, NILAI DAN SAINS

Dalam melahirkan modal insan cemerlang khususnya mereka yang melibatkan diri dalam pembangunan sains dan teknologi umpamanya, etika bukan sahaja dalam soal tanggungjawab tentang dapatan yang diperoleh malah tentang persoalan proses serta hasil daripada penyelidikan sains yang diperolehi. Mengeksploitasi hasil penyelidikan untuk kepentingan segolongan pihak tertentu akan memberikan kesan buruk kepada alam seperti kerosakan dan pencemaran. Kesannya turut mencemarkan fizikal malah termasuk soal kepercayaan. Malah Zaiudin Sardar (1990) mengandaikan penyelidikan yang dilakukan tanpa mengambil kira persoalan nilai merupakan sains tanpa ilmu kerana ilmu itu sendiri berkait rapat dengan nilai.

Konsep etika dan nilai dalam pencapaian sains dan teknologi merangkumi aspek-aspek akhlak yang perlu dijadikan panduan dalam sebarang bentuk penerokaan bidang ilmu. Menurut Md Zawawi Abu Bakar dan rakan rakan (2003), penerokaan ilmu dalam Islam adalah bertujuan membawa ahli sains dan umat Islam lebih hampir dengan Allah melalui penemuan yang dilakukan. Walaupun begitu matlamat sampingan tidak dibelakangkan seperti membantu menyelesaikan *masalah* umat, meningkatkan kebajikan mereka serta menghindarkan berlakunya unsur-unsur kerosakan ke atas alam sekitar. Justru penerokaan dan penyelidikan sains dan teknologi perlu menekankan konsep bersepadu yang bertunjangkan ibadat dan bukan semata-mata atas dasar humanisme mahupun sekularisme.

Etika dan nilai juga berkait rapat dengan aktiviti yang dijalankan. Segala aktiviti dalam penyelidikan tidak bertujuan untuk menunjuk-nunjuk, angkuh, sombong, takabur dan bersifat tinggi diri sehingga ke tahap menafikan kekuasaan Illahi. Jangan sampai hasil daripada kajian akan menimbulkan rasa kagum dengan diri sendiri sehingga menyebabkan mereka merasakan mampu melakukan apa sahaja atau boleh menentukan segala sesuatu dengan kehendak mereka sahaja.

Etika dan nilai dalam penyelidikan juga berkait rapat dengan soal akidah sebagai landasan. Sebab itu dalam wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah, menghubungkan soal ilmu dengan Pencipta (al-Alaq: 1) Kita perlu mengakui ada perkara-perkara yang tidak dapat dibuktikan dengan uji kaji walau bagaimanapun aspek empirical tidak pernah ditolak dalam Islam.

Setiap penyelidikan dalam Islam perlu mempertimbangkan di antara sesuatu kemaslahatan dengan kemaslahatan yang lain dengan mengambil kira tahapnya sama ada *dharuriyyat*, *hajjiyyat* mahupun *tahsiniat*. Mendahulukan kepentingan yang sudah pasti berbanding yang baru dikenalpasti atau masih diragukan. Mendahulukan kepentingan ummah lebih utama daripada kepentingan individu.

Mendahulukan kepentingan masa depan yang utama berbanding dengan kepentingan semasa yang kurang penting (Yusof Qaradhawi, 1996).

Penyelidikan juga perlu mempertimbangkan di antara sesuatu keburukan dan kemudaratan dengan keburukan dan kemudaratan lain. Umpamanya keburukan yang boleh membahayakan harta benda tidak sama tahapnya dengan keburukan yang dapat membunuh jiwa dan ia juga tidak sama dengan keburukan yang dapat membahayakan agama dan akidah.

5. AKHLAK DAN PENDIDIKAN

Pendidikan dalam Islam adalah untuk membangunkan jiwa insan. Menurut Kamarul Azmi dan Ab Halim (2007), hampir keseluruhan pendidikan yang dikehendaki oleh Islam ialah merujuk kepada pendidikan rohaniyyah manusia selaku hamba Allah bagi memancarkan kejernihan akhlak dan budi pekerti yang tinggi dan ulung selain untuk perkembangan pengetahuan yang merupakan satu alat kepada kemakmuran insan di dunia ini.

Hal ini pernah ditegaskan oleh Wan Mohd Nor (2006) bahawa pendidikan dalam Islam bermatlamat melahirkan manusia beradab yang sedar dan insaf akan kedudukan sebenar setiap perkara yang wujud berdasarkan nilai-nilai Islam dan berusaha baik secara bersendirian serta secara bermasyarakat untuk meletakkan tiap-tiap satu pada tempatnya yang hak. Hal ini memperkukuhkan pandangan al-Attas (1992) iaitu, pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Beliau menambah, penitisan adab merupakan unsur asas dalam pendidikan Islam yang merangkumi kehidupan rohaniah dan kebendaan seseorang serta kualiti kebaikan yang ingin ditanam dalam diri manusia.

Bagi Kurshid Ahmad (1975); al-Qaradhawi (1980) dan Yaljan (1986) pula berpendapat bahawa pendidikan dalam Islam bermatlamat ke arah pembentukan individu untuk menjadikan ia benar-benar sempurna dari segi pertambahan ilmu juga dari segi pembantukan akhlak dan rohaninya. Pembentukan akhlak yang baik selari dengan matlamat Pendidikan Islam. Asmawati Suhid (2005) menjelaskan bahawa pendidikan dalam Islam ialah menanam perangai baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka dapat menilai antara yang benar dan yang salah. Hal ini kerana pendidikan dalam Islam memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang berakhlak dan bermoral.

Pendidikan sepatutnya selari dengan apa yang diseru oleh Rasulullah iaitu bermatlamat ke arah menyempurnakan akhlak mulia. Justeru, Asmawati (2005) menyarankan, untuk melahirkan generasi berakhlak mulia dan diterima Allah, maka pendidikan dan latihan akhlak yang mengutamakan aspek-aspek rohani yang bersungguh-sungguh amat diperlukan. Mohd Nasir (2005) pula menjelaskan bahawa tujuan pendidikan akhlak ialah untuk merubah akhlak yang tidak baik kepada yang baik dan menambah baik akhlak yang sedia baik supaya menjadi lebih baik. Oleh itu mengikut Khadijah (2006), pendidikan akhlak perlu memberi keutamaan kepada pembentukan perangai, tabiat, tingkah laku atau adab sopan individu.

Akhlak bukanlah sesuatu yang bersifat tetap. Untuk memperolehi akhlak yang mulia pada diri seseorang, ia perlu melalui proses pendidikan, diasuh, dididik dan dilatih. Pakar-pakar akhlak seperti al-Ghazali (t.t); Ibn Miskawayh (1966); al-Tusi (1964) mengakui bahawa akhlak boleh menerima

perubahan melalui pendidikan, latihan, disiplin dan seumpamanya sama ada secara cepat atau lambat. Hal ini juga disokong oleh tokoh-tokoh akhlak masa kini seperti Abdullah Nasih Ulwan (1989); Amuli (2001); Mazahiri (1994) juga Mohd Nasir (2005). Dalam hal ini Mohd Nasir (2005) menjelaskan; jika akhlak seseorang tidak dapat diasuh menjadi baik, maka akal, pemikiran, penyelidikan, syaria, kenabian, latihan, pendidikan, disiplin, nasihat, sekolah, universiti, undang-undang, kerajaan dan sebagainya sudah tentu menjadi tidak berguna lagi.

Untuk mendapat akhlak yang mulia, pendidikan akhlak yang berterusan perlu diberikan kepada setiap insan. Hal ini selaras dengan al-Abrasyi (1964) yang menyatakan bahawa pendidikan akhlak adalah dasar pendidikan Islam. Mengikut al-Syaibani (1991) pula, pendidikan akhlak bermatlamat untuk melahirkan insan yang berperibadi dan berwibawa tinggi sesuai dengan keperibadian Islam itu sendiri. Hal ini dipersetujui oleh Ahmad Mohd Salleh (2004), menurut beliau pendidikan akhlak bertujuan meningkatkan keluhuran jiwa manusia serta menjauhkan mereka daripada kebinasaan kerana mengikut keinginan hawa nafsu.

Pendidikan Akhlak yang perlu digarap ialah pendidikan yang berjaya melahirkan manusia agar memiliki jiwa yang tenang disisi Allah (Tabatabai 1991). Tabatabai mengulas bahawa jiwa yang tenang ialah jiwa yang berpusat kepada Tuhannya; sentiasa redha dengan apa yang ditentukannya; dia melihat dirinya sebagai hamba yang sentiasa beribadah dengan keikhlasan yang sebenar; menganggap segala kekayaan, kemiskinan, kebaikan dan keburukan sebagai cubaan semata, bahkan sentiasa tetap dalam ibadah tanpa berpaling sedikit pun daripada jalan kebenarannya. Bagi Muhammad Uthman (1988) pula, jiwa yang suci berkait rapat dengan akhlak. Penampilan akhlak luaran yang bersifat negatif adalah berpunca dari akhlak dalaman yang langsung tidak berhubung dengan Allah SWT. Hal ini ekoran akhlak mulia itu berakar umbi daripada sifat kerohanian yang suci (Tajul Ariffin 1998).

Dalam konteks Pendidikan Islam, akhlak mulia semestinya melibatkan hubungan dengan Allah S.W.T., sekurang-kurangnya dalam pelaksanaan rukun Islam (Zaharah Hussin et al. 2005). Hal ini dapat dilihat dalam kajian oleh Mohd Najib (2003) di mana dalam kajian beliau terhadap 60 orang pelajar Islam di sebuah sekolah menengah di ibu kota mendapati bilangan responden yang melakukan solat lima kali sehari hanya seramai 46% dan hanya 25% daripada responden yang membaca al-Quran setiap hari. Peratusan ini menggambarkan betapa hubungan dengan Allah itu tidak diberi perhatian sebagai satu daripada indikator ketidaktuntutan kesempurnaan akhlak. Hal ini kerana akhlak adalah dilihat sebagai bukti kesempurnaan seseorang yang beriman kepada Allah S.W.T., dan Rasulnya. Bagi mencapai kesempurnaan keimanan, keyakinan dan pengetahuan perlulah diikuti dengan amalan (Ab Halim et al. 2002).

Islam menyediakan garis panduan untuk orang-orang beriman menilai setiap tingkahlaku dan tindakannya, menentukan hubungannya dengan manusia lain, dengan masyarakat keseluruhannya, dengan alam fizikal serta menentukan hubungan dengan dirinya. Memandangkan bahawa perbuatan atau perlakuan zahir seseorang itu adalah hasil kepada keadaan jiwa atau akhlak seseorang, maka dalam konteks pengukuran, untuk mengukur akhlak sebenar memang sukar. Namun mengikut Azma (2006) pengukuran akhlak boleh dibuat secara tidak langsung dengan melihat kepada indikator akhlak tersebut iaitu perbuatan atau perlakuan zahir seseorang.

Mohd Kamal Hassan (1987) kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang lemah akan melahirkan akhlak yang buruk dan keji. Al-Ghazali (t.t) meletakkan peranan syarak dan akal sebagai piawai pengukuran kebaikan dan keburukan akhlak seseorang. Menurut Azma (2006) lagi, ini bermakna setiap perbuatan atau perkataan yang dipamerkan oleh seseorang yang bersesuaian dengan kehendak syarak dan akal dianggap sebagai akhlak yang baik.

Mohd Nasir (1986); Mazahiri (1994); dan Amuli (2001) menegaskan bahawa akhlak yang mulia menghendaki seseorang itu meletakkan keimanan kepada Allah dalam bentuk amalan praktikal. Keimanan dalam bentuk amalan praktikal termasuklah merealisasikan dengan perbuatan kebaikan (ihsan) adalah antara indikator akhlak seseorang. Menurut Ali Ab. Ghani (2008) pula, individu yang mempunyai keperibadian berketerampilan mampu mempamerkan jati diri yang kukuh, berdaya saing, berintegriti, patriotik, rasional dalam tindakan dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian. Penghayatan dan pengamalan ciri-ciri tersebut ditonjolkan melalui penglibatan dalam aktiviti seharian di sekolah.

6. KURIKULUM AKHLAK DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia bermatlamat untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang ke arah meningkatkan tamadun bangsa dan negara. Walaupun begitu, sepanjang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah sejak 1996 di dapati wujud kelemahan-kelemahan tertentu dan yang paling ketara ialah tentang kurangnya keberkesanan Pendidikan Islam terhadap pembinaan akhlak pelajar (KPM 1996; Zakaria et al. 1998; Asmawati 2003). Bagi mengatasi masalah tersebut kurikulum Pendidikan Islam telah disemak dan Pendidikan Akhlak Islamiah diperkenalkan sebagai salah satu komponen yang utama dalam mata pelajaran Pendidikan Islam menggantikan nama lamanya iaitu Bahagian Sifat dan Cara Hidup Islam bermula pada tahun 1998 (Asmawati 2003). Selepas itu sukatan Pendidikan Islam disemak semula buat kali keduanya kerana dikatakan kurikulum Pendidikan Islam khususnya komponen Pendidikan Akhlak kurang berkesan dengan berleluasanya gejala keruntuhan akhlak di kalangan pelajar Islam (Pengaruh Jabatan Pendidikan dan Moral dalam Asmawati 2003). Ekorannya, kurikulum pendidikan akhlak sekali lagi mengalami perubahan ketara dari aspek sukatan pelajaran dan pendekatannya (Asmawati 2003).

Antara ciri kurikulum Pendidikan Islam Semakan yang dilaksanakan bermula tahun 2002 telah menekankan pembentukan dan pembangunan insan mulia yang berkeupayaan menyumbang ke arah pembangunan tamadun bangsa dan negara. Pelajar dibimbing secara berterusan tentang kehidupan beradab dan berdisiplin yang mengangkat martabat insaniah. Di samping itu penilaian terhadap murid-murid dibuat secara menyeluruh berdasarkan rujukan kriteria (Adnan Yusoff 2002). Bidang adab dan akhlak Islamiah menjadi satu komponen penting bagi mencapai objektif ketujuh dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR iaitu untuk menghasilkan pelajar Muslim yang mengamalkan adab dan menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian

(Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR 2002a). Bidang ini memberi fokus kepada dua aspek berikut:

- a. Kepatuhan terhadap peraturan dan cara hidup Muslim dalam hubungannya dengan Allah dan Rasul
- b. Kepatuhan terhadap peraturan dan tatacara perhubungan manusia dengan diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara.

Bagi bidang adab dan akhlak Islamiah sekolah menengah pula ialah untuk mencapai objektif ke sembilan dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM iaitu menghasilkan pelajar yang berakhlak mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni sebagai tunggak budaya bangsa yang bermaruah (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM 2002b). Adab yang telah diperolehi dan diamalkan di peringkat sekolah rendah diharap dapat dipertingkatkan di sekolah menengah. Adab ini berdasarkan cara hidup muslim dalam hubungannya dengan Allah, diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat, dan negara.

Komponen Adab dan Akhlak Islam diperkenalkan KBSR dan KBSM mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2003 dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2005 (Asmawati 2003). Konsep adab dan akhlak Islamiah yang terkandung di dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah meliputi lima kategori iaitu adab di dalam kehidupan harian, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab dalam kehidupan bersosial, adab menuntut ilmu dan adab dengan al-Quran (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR 2002).

Terdapat sebanyak 47 elemen yang terkandung di dalam kelima-lima kategori tersebut. Elemen yang terkandung di dalam kategori adab di dalam kehidupan harian sebanyak dua belas iaitu adab makan dan minum, adab qada' hajat, adab tidur dan bangun tidur, adab mandi dan bersuci, adab berwuduk, adab berpakaian, adab berkenderaan, adab masuk dan keluar rumah, adab menghidang makanan dan minuman, adab berjalan, adab bertanya dan adab mengurus diri. Terdapat tiga elemen di dalam kategori adab terhadap ibu bapa dan keluarga iaitu adab bercakap dengan ibu bapa, adab menolong ibu bapa dan adab bergaul dengan keluarga. Kategori adab dalam kehidupan bersosial terdiri daripada dua puluh dua elemen iaitu adab bergaul dengan rakan, adab di masjid dan surau, adab bercakap dengan rakan, adab melayan tetamu, adab menziarahi orang sakit, adab menziarahi rakan, adab menziarahi orang tua, adab dengan orang tua, adab menziarahi jenazah dan kubur, adab makan di majlis keramaian, adab berjiran, adab berkumpul, adab berjual beli, adab bekerja, adab menziarahi jiran, adab ketika bermain, adab terhadap tempat dan harta awam, adab kecintaan kepada negara, adab menjaga kebersihan sungai dan alam sekitar, adab rehlah, adab dengan manusia dan makhluk lain, dan adab dengan pemimpin.

Kategori adab menuntut ilmu pula terdiri daripada lapan elemen iaitu adab bercakap dengan guru, adab ke sekolah, adab belajar, adab semasa di sekolah, adab berhujah, adab menolong guru, adab menjaga harta benda sekolah, dan adab menjaga kebersihan sekolah. Kategori adab dengan al-Quran terdiri daripada dua elemen iaitu adab membawa dan menyimpan al-Quran, dan adab membaca al-Quran.

Manakala di peringkat sekolah menengah pula, bidang pembelajaran adab berteraskan Akhlak Islamiah yang diperolehi dan diamalkan di peringkat sekolah rendah dipertingkatkan berdasarkan cara hidup muslim dalam

hubungannya dengan Allah SWT, diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara (KPM 2002). Selain dari itu, konsep akhlak juga turut dimasukkan di dalam beberapa bidang lain khususnya bidang tilawah al-Quran, hadis dan akidah (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM 2002).

Bagi konsep adab dan akhlak Islamiah yang terkandung di dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah meliputi enam kategori iaitu adab di dalam kehidupan harian, adab dalam kehidupan bersosial, adab dalam menunaikan ibadat, adab terhadap ibu bapa dan keluarga, adab menuntut ilmu dan adab terhadap Allah dan Rasul (Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM 2002b). Terdapat sebanyak 37 elemen yang terkandung di dalam keenam-enam kategori tersebut. Elemen yang terkandung di dalam kategori adab di dalam kehidupan harian sebanyak dua belas iaitu adab menjaga fitrah lelaki dan perempuan, adab berkawan, adab ketika ditimpa musibah dan menerima nikmat, adab berjiran, adab menjaga diri dan maruah, adab berfikir, adab berhias diri, adab menjaga orang sakit, adab musafir, adab bernegara, adab dengan pemimpin, dan adab berjuang. Elemen yang terdapat di dalam kategori adab dalam kehidupan bersosial pula terdiri daripada sebelas iaitu adab terhadap muslim dan bukan muslim, adab menerima dan melayan tetamu, adab bekerja, adab bercakap dalam majlis, adab amar makruf dan nahi mungkar, adab di tempat rekreasi, adab menjaga kemudahan awam, adab ziarah jenazah, adab menjaga alam, adab memberi dan menerima sedekah dan hadiah, dan adab berjual beli.

Kategori adab dalam menunaikan ibadah terdiri daripada lima elemen iaitu adab membaca al-Quran, adab di masjid dan surau, adab terhadap al-Quran, adab berdoa, dan adab beribadat. Sementara kategori untuk adab terhadap ibu bapa dan keluarga terdiri daripada tiga elemen iaitu adab dengan ibu bapa, adab bergaul dengan keluarga, dan adab berbakti kepada ibu bapa. Kategori adab menuntut ilmu pula terdiri daripada empat elemen iaitu adab menjaga harta di sekolah, adab berguru, adab menuntut ilmu, dan adab berpidato. Untuk kategori adab terhadap Allah dan Rasul terdiri daripada dua elemen iaitu adab zikrullah, dan adab menghormati Rasul.

Penambahbaikan yang berterusan khususnya dalam aspek kurikulum akhlak amat diperlukan ke arah menatijahkan hasil yang baik. Pendidikan akhlak perlu digarab dan diberikan perhatian di peringkat sekolah hinggalah ke pusat pengajian tinggi bagi menyediakan pengisian yang bermakna kepada cendekiawan dan saintis yang bakal dihasilkan.

7. PENUTUP

Kurikulum yang baik dan sesuai dengan pembangunan pendidikan semasa amat diperlukan ke arah melahirkan pendidikan yang benar-benar bermakna. Pengisian modal insan yang bersifat holistik amat diperlukan pada masa kini bagi melahirkan cendekiawan dan saintis yang bukan sahaja berilmu malah memiliki prinsip nilai dan akhlak yang mampu melaksanakan tanggung jawab sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini.

RUJUKAN

- [1] Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. 2002. Pendidikan akhlak dalam KBSM: Persepsi pelajar terhadap konsep akhlak. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*. Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam menghadapi cabaran era globalisasi. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [2] Abdullah Nasih Ulwan. 1989. *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Terjemahan Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- [3] Adnan Yusopp. 2002. Kurikulum baru Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia menghadapi era globalisasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)*. Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam menghadapi cabaran era globalisasi. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. hlm. 1-9.
- [4] Ahmad Mohd Salleh. 2004. *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. (Edisi Semakan). Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- [5] Al-Attas, Syed Mohd. Naquib. 1992. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. (Terj. Samsudin Jaafar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [6] Al-Syaibani, Omar Muhamad al-Toumy. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Prof. Dr Hasan Langgulung. Shah Alam: Hisbi
- [7] Al-Tusi. 1964. *Akhlaq al-Nasiri*. Wickens, G.M. (terj.) The Nasirean Ethic. London: George Allen & Unwin Ltd.
- [8] Ali Ab. Ghani. 2008. Membangun Modal Insan. Kertas kerja Utama *Konvensyen Nasional PIPP Kedua*. 24 -27 November 2008 di Institut Amunudin Baki Genting Highland Pahang. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia.
- [9] Amuli, Jawad. 2001. *Rahsia-rahsia ibadah*. Terj. Jalad Muammar. Bogor: Penerbit Cahaya.
- [10] Asmawati Suhid. 2003. Kesesuaian subbidang pembelajaran adab dan akhlak Islam KBSM menurut persepsi guru. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Kebangsaan (Siri 3)* : Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam: Antara Tradisi dan Inovasi, hal. 94-105
- [11] Asmawati Suhid. 2005. *Persepsi guru dan pelajar di Selangor terhadap kesesuaian pengagihan komponen adab dan akhlak Islam dalam Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- [12] Azma Mahmood. 2006. Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [13] Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2012). *Data salah laku disiplin murid*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- [14] Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2009). Didik generasi muda bertanggungjawab setiap muslim http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Monday/Agama/20090524214952/Article/index.html. Dimuat turun pada 25 Mei 2009.
- [15] Fatimi Hanafi & Mohd. Zamani Ismail. (2006, 13-14 Jun). *Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajian Umum.
- [16] Harery Abu Saad. (2007). *Perkaitan penghayatan akhlak, sikap terhadap sains, pencapaian dan pemilihan kerjaya di kalangan pelajar dalam konteks pembangunan modal insan bersepadu dalam bidang sains dan teknologi di SMKA*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [17] Ibn Miskawayh, Abu 'Ali Ahmad Ibn Miskawayh. 1966. *The refinement of character*. Beirut: American University of Beirut.
- [18] Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- [19] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002a. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR*.
- [20] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002b. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM*
- [21] Kurshid Ahmad. 1975. *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- [22] Md Zawawi Abu Bakar, Mahyuddin Abu Bakar, Azman Md Zain, Mohamad Khadafi Rofi dan Mohd Khairul Anwar Othman (2003) *Etika Islam Dalam Usaha Penerokaan Sains dan Teknologi*. Kertas Kerja Seminar Islam Antarabangsa. Masjid Sultan Ismail UTM di Hotel Putri Pan Johor Bahru pada 7-9 September 2003.
- [23] Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid, Abdullah Mat Rashid dan Samsilah Roslan. (2011). Hubungan faktor-faktor sosial dengan penghayatan nilai murni pelajar: Satu dapatan awal. *Prosiding 16th International Conference on Education*. Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam.
- [24] Mohd Nasir bin Omar. 2005. *Akhlaq dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- [25] Pusat Perkembangan Kurikulum. (1990). *Pukul latihan kurikulum bersepadu sekolah menengah: Falsafah pendidikan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [26] Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum*

KBSR / KBSM. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.

- [27] Sulaiman Nordin (1993), Sains Falsafah dan Islam. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Umum UKM.
- [28] Tabatabai, al-'Allamah, al-Sayid Muhammad Husayn. 1991. *al-Mizan fi tafsir al-qur'an*. 21 jilid. Beirut: Muassasah al-alamy li al-Matbu'at.
- [29] Tajul Ariffin Nordin dan Nor'Aini Dan. (2002). *Pendidikan dan pembangunan manusia: Pendekatan bersepadu*. Bangi: As-Syabab Media.
- [30] Wan Mohd Nor Wan Daud. 2006. *Masyarakat Islam Hadhari: Satu tinjauan epistemologi dan kependidikan ke arah penyatuan pemikiran bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [31] Yaljan, Miqdad. 1986. *Peranan pendidikan akhlak Islam dalam membangun peribadi, masyarakat dan budaya manusia*. Terj. Tajudin Nur. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- [32] Yusof Qaradhawi (1996). *Memahami Keutamaan Berasaskan Al-Quran dan Sunnah*. Selangor : Angkatan Belia Islam Malaysia
- [33] Zaharah Hussin, Ab. Halim Tamuri & Jaffary Awang. 2005. Pembinaan kurikulum pendidikan akhlak ke arah pembangunan kemanusiaan sejagat. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4) Pendidikan Islam ke arah kemanusiaan sejagat*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia 25 – 26 Jun 2005.
- [34] Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md Aroff, Rahil Hj. Mahyuddin, Mohd Ibrahim Nazri, Muhammad Hassan Abd Rahman, Abd Rahim Hj. Faffiee dan Habsah Ismail. 1998. *Laporan penyelidikan pendidikan Akhlak di sekolah menengah kebangsaan agama*. Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia.